



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 7 APRIL 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KEEPING HIGH PRICES IN CHECK, NATION, THE STAR -2	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	CUBAAN SELUDUP BENIH KERAPU DARI INDONESIA TUMPAS, NEGARA, KOSMO -17	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
3.	MAQIS RAMPAS 30,000 BENIH IKAN KERAPU, NASIONAL, BH -24	
4.	MAKSIMUMKAN PENGGUNAAN TANAH PERTANIAN BAGI PENGHASILAN MAKANAN, FORUM, UM -18	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Keeping high prices in check

Take only reasonable profits, Anwar urges middlemen



By MARTIN CARVALHO
mart3@thestar.com.my

PUTRAJAYA: Prices of fresh produce can be kept in check – all it takes is for middlemen to accept reasonable profits, says Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"It is the middleman that causes prices to rise. If the middleman can play a role or take reasonable profits, prices will be under control," the Prime Minister said.

Another method of controlling the prices of local fresh produce is to supply items such as vegetables directly to agro bazaars or bazaars.

After a walkabout at the Bazaar Ramadan Precinct 3 yesterday, Anwar said prices of such goods could be maintained by the Domestic Trade and Cost of Living Ministry and the Agriculture and

Food Security Ministry through Agro Rahmah Sales.

"If we take fresh produce from the farms directly to the markets, the prices will be way lower," he added.

However, he said the prices of imported goods could not be controlled this way.



Straight from the farm: Anwar gifting a bag of fresh produce to a visitor after launching the Agro Rahmah Sales at the Ramadan bazaar in Putrajaya yesterday. — Bernama

time visiting other food stalls before leaving for Seri Pergada to break fast.

Also present at the walkabout were Domestic Trade and Cost of Living Minister Daruk Seri Salahuddin Ayub and Deputy Agriculture and Food Security Minister Chan Foon Hin.

Earlier, Anwar visited several booths set up under the Agro Rahmah Sales at the bazaar.

A total of 14 types of vegetables, four types of frozen seafood, chicken and eggs were sold below usual market prices to help those in the B40 group.

The Prime Minister later spent

Meanwhile, Anwar announced that rental for stalls at the Ramadan bazaar in Putrajaya would be lowered to RM850 a month from the current RM1,000. Based on the success of the bazaar here, he said their operations could be extended beyond this period.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA
	KOSMO	NEGARA	SURAT
7/4/2023			17

Cubaan seludup benih kerapu dari Indonesia tumpas

LANGKAWI – Jabatan Perkhidmatan Kuaran tin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) berjaya menggagalkan cubaan menyeludup masuk 30,000 benih ikan kerapu dari Indonesia di Kompleks Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi (LTAL) di sini pada 1 April lalu.

Ketua Pintu Masuk Macris Langkawi, Haslina Md. Shariff memberitahu, hasil pemeriksaan rutin yang dilakukan pegawai jabatan itu menemui 60 kotak mengandungi 30,000 benih ikan kerapu bernilai kira-kira RM25,000.

"Benih ikan kerapu ini disyaki

tidak mempunyai sebarang per mit atau perakuan import yang sah dan kesemuanya dagangan tersebut ditahan untuk siasatan lanjut," katanya dalam satu ke nyataan semalam.

Kata beliau, kegagalan untuk mengemukakan permit atau perakuan import adalah kesala han di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuaran tin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Kesalahan di bawah seksyen tersebut mempertuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara se lama tempoh maksimum enam

tahun atau keduanya sabit kesalahan," ujarnya.

Tambah beliau, pihaknya akan terus komited dalam memastikan tumbuhan, binatang, ikan, keluaran pertanian, tanah, mik roorganisma dan makanan yang diimport bebas daripada ancaman perosak.

"Bahan itu juga perlu bebas

dari penyakit serta bahan cemar dan tidak menjaskan

sektor pertanian negara selain mematuhi aspek kesihatan manusia, binatang, tumbuhan, ikan dan keselamatan makanan," jelasnya.



MAQIS merampas benih ikan kerapu yang diimport dari Indonesia di LTAL, Langkawi baru-baru ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/4/2023	BERITA HARIAN	NASIONAL	24



Anggota MAQIS Langkawi merampas 30,000 benih ikan kerapu tanpa permit import sah yang cuba dibawa masuk melalui Kompleks Kargo LTAL, Sabtu lalu.

(Foto ihsan MAQIS)

MAQIS rampas 30,000 benih ikan kerapu

Produk bernilai RM25,000 dari Indonesia tanpa permit sah

Oleh Hamzah Osman
bhnews@bh.com.my

Langkawi: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) merampas 30,000 benih ikan kerapu tanpa permit import sah yang cuba dibawa masuk melalui Kompleks Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi (LTAL), di sini

Sabtu lalu.

Ketua Pintu Masuk MAQIS Langkawi, Haslina Md Shariff, berkata benih ikan kerapu bernilai RM25,000 yang dibawa dari Indonesia itu dikesan ketika pemeriksaan pada jam 7.20 malam.

"Pemeriksaan mendapati sebanyak 30,000 benih ikan kerapu yang diisi dalam 60 kotak cuba dibawa masuk tanpa permit import yang sah.

"Berikutnya itu semua barang dagangan berkenaan dirampas untuk siasatan lanjut," katanya dalam kenyataan semalam.

Tindakan penguatkuasaan

Haslina berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 11(1), Akta

Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak lebih enam tahun atau kedua-duanya sekali.

"Tindakan penguatkuasaan undang-undang akan terus diperkasa di pintu masuk negara bagi memastikan kawalan penyakit dan jaminan keselamatan makanan terpelihara."

"MAQIS tidak sesekali leka serta memandang remeh perkara ini dalam memastikan tumbuhan, haiwan, ikan, keluaran pertanian dan mikro organisme yang diimport ke negara ini bebas ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar serta mematuhi syarat dan peraturan ditetapkan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/4/2023	UTUSAN MALAYSIA	FORUM	18

Maksimumkan penggunaan tanah pertanian bagi penghasilan makanan

SAUDARA PENGARANG.

PENINGKATAN kos sara hidup menjadi isu utama negara dengan kos makanan merupakan komponen utama. Dalam pada itu, negara sedang mengimport makanan bernilai RM65 bilion setahun. Soalan ini, mengapa Malaysia tidak meningkatkan pengeluaran hasil makanan dalam negara?

Jawapannya mudah, tiada tanah untuk diusahakan. Tanah berstatus pertanian di pinggir bandar berharga ratusan ribu seekar, di pinggir kampung pula sudah mencecah RM100,000 seekar. Harga ini tidak munasabah untuk tujuan bercucuk tanam.

Tanah merupakan faktor terpenting dalam kebanyakkan pengusahaan pertanian dan ia tidak semestinya memerlukan teknologi canggih dan pelaburan besar. Lihat sahaja bagaimana negara menjadi pembekal utama bagi getah dan kelapa sawit. Oleh itu, setiap inci tanah pertanian harus digunakan untuk menjadikan Malaysia pengekspor bersih, bukannya pengimpor bahan makanan.

Masalah ketidaaan tanah untuk pertanian berlaku sejak awal kemerdekaan lagi. Pada tahun 50-an dan sepanjang abad tersebut Malaysia mendapatkan bekalan sayuran dan buah-buahan dari petani yang mengusaha tanah Lesen Kependudukan Sementara (TOL) kerajaan dan rizab kereta api. Pada hari ini kita mendapatkan bekalan tersebut dari China yang harganya tidak tercapai oleh kita. Berapa lama lagi kita mahu bergantung kepada negara tersebut?

Sebenarnya bukan tiada tanah tetapi tanah berada di tangan spekulator. Dasar pemberian TOL dalam beberapa segi diperhatikan lebih sesuai dari alienasi untuk memastikan pengeluaran pertanian berterusan. Yang menariknya, pada hari ini masih lagi terdapat pengusaha tanah TOL kerajaan berjaya dengan cemerlang menghasilkan produk pertanian sebegitu lama meminta geran tanah diberikan kepada mereka. Di satu sudut, mereka nampaknya tidak lagi berminat untuk bertani.

Justeru, langkah terbaik adalah menaikkan kadar cukai bagi tanah berstatus pertanian kepada tahap yang optimum supaya tanah-tanah tersebut dapat dibersihkan dari spekulasi dan dapat diperoleh oleh pengusaha tulen.

Kedua, mengezonkan tanah kawasan pertanian dan menetapkan syarat tanaman bagi setiap lot tanah. Contoh, seluruh daerah Perak Tengah dizonkan sebagai kawasan tanaman jagung. Ini akan memudahkan pejabat pertanian daerah menguruskan hanya satu jenis tanaman yang akan meningkatkan keupayaan dan kepakaran agensi tersebut.

Sementara di peringkat Persekutuan, penyemakan stok tanah pertanian dibuat serta membahagikan kepada zon mengikut jenis tanaman dengan mengambil kira keperluan negara.

MOHAMED YUSUFF YAHYA
Batu Gajah, Perak